



22 Ogos 2024  
22 August 2024  
P.U. (A) 222

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SIBER (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

### *CYBER SECURITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KESELAMATAN SIBER 2024

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SIBER  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 60 Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854], Menteri, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pengkompunan Kesalahan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 26 Ogos 2024.

**Kesalahan yang boleh dikompun**

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompun itu boleh dikompun dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

**Tatacara mengkompun**

3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompun telah dilakukan, Ketua Eksekutif boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya yang disebut dalam subperaturan 2(2), mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompun suatu kesalahan adalah sah bagi tempoh tiga puluh hari bermula dari tarikh tawaran itu diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat atau apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh Ketua Eksekutif secara bertulis dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh tiga puluh hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

**Penyetujuterimaan kompaun**

4. Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang 3 itu kepada Ketua Eksekutif.

**Pembayaran kompaun**

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu melalui kad kredit, kad debit, kad caj atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain.

(2) Suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dibuat.

(3) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik jika pembayaran dibuat melalui pemindahan wang secara elektronik.

**Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat**

6. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

**KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN**

Kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854] yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

- (i) subseksyen 20(6);
- (ii) subseksyen 20(7);
- (iii) subseksyen 22(7);
- (iv) subseksyen 22(8);
- (v) subseksyen 24(4); dan
- (vi) subseksyen 32(3).

JADUAL KEDUA

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA KESELAMATAN SIBER 2024

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SIBER  
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2024

**KEIZINAN UNTUK MENKOMPANAN KESALAHAN**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 60(2) Akta Keselamatan Siber 2024 [*Akta 854*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya ..... (*nama*) memberikan keizinan untuk mengkompaun ..... (*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah ..... yang dikatakan telah dilakukan pada ..... (*tarikh*) di ..... (*tempat*).

Tarikh:

.....  
*Pendakwa Raya/  
Timbalan Pendakwa Raya*

BORANG 2

[Subperaturan 3(1)]

AKTA KESELAMATAN SIBER 2024

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SIBER  
(PENGGOMPOUNAN KESALAHAN) 2024

**TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN**

No. Rujukan : .....

Tarikh : .....

Agensi Keselamatan Siber Negara

Kepada:

.....  
.....

\*Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda .....  
(nyatakan nama \*individu/syarikat/perniagaan/badan lain dan nombor pendaftaran, jika ada) dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854] dengan butir-butir seperti yang berikut:

(a) peruntukan Akta yang berkaitan:

.....

(b) tarikh : .....

(c) masa : .....

(d) tempat atau premis : .....

(e) \*\*butir-butir kesalahan : .....

2. Menurut subseksyen 60(2) Akta Keselamatan Siber 2024, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM .....  
(..... *(dalam perkataan)* ringgit sahaja).
3. Sekiranya tawaran untuk mengkompaun ini disetujui terima, bayaran hendaklah dibuat melalui kad kredit, kad debit, kad caj atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain.
4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.
5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah bagi tempoh tiga puluh hari bermula dari tarikh tawaran ini diterima oleh anda.
6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda .....  
(*nyatakan nama\* individu/syarikat/perniagaan/badan lain dan nombor pendaftaran, jika ada*) tanpa notis selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

.....  
*Ketua Eksekutif*  
*Agensi Keselamatan Siber Negara*

---

\* *Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

\*\* *Nyatakan butiran dan gunakan lampiran jika perlu*

BORANG 3

[Peraturan 4]

AKTA KESELAMATAN SIBER 2024

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SIBER  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

**PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN**

Kepada:

.....  
.....  
.....

\*Tuan/Puan,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan ..... bertarikh .....

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bukti pembayaran melalui \*kad kredit/kad debit/kad caj/pemindahan wang secara elektronik sebanyak RM .....(..... *(dalam perkataan)* ringgit sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan : .....

\*\*Nama (*dalam huruf besar*) : .....

\*No. Kad Pengenalan/No. Pasport : .....

\*\*\*Untuk dan bagi pihak (*jika berkenaan*) : .....

*(nama \*syarikat/perniagaan/badan lain)*



\*\*\*No. Pendaftaran/No. Lesen/  
No. Permit \*syarikat/perniagaan/  
badan lain (*jika berkenaan*) : .....  
Cop rasmi \*syarikat/perniagaan/  
badan lain (*jika berkenaan*) : .....

Alamat:  
.....  
.....  
.....

Tarikh: .....

---

*\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan*  
*\*\*Nama orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompoun itu dibuat atau nama pengarah bagi pihak syarikat/perniagaan/badan lain*  
*\*\*\*Dalam hal jika tawaran untuk mengkompoun itu dibuat kepada syarikat/perniagaan/badan lain*

Dibuat 16 Ogos 2024  
[MKN(S).10.600-9/2/4 Jld.8 (19); PN(PU2)768]

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
*Perdana Menteri*

Diluluskan 15 Ogos 2024  
[MKN(S).10.600-9/2/4 Jld.8 (19); PN(PU2)768]

DATUK AHMAD TERRIRUDIN BIN MOHD SALLEH  
*Pendakwa Raya Malaysia*

## CYBER SECURITY ACT 2024

## CYBER SECURITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 60 of the Cyber Security Act 2024 [Act 854], the Minister, with the approval of the Public Prosecutor, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Cyber Security (Compounding of Offences) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 26 August 2024.

**Compoundable offences**

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed as compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the consent in writing of the Public Prosecutor in Form 1 of the Second Schedule.

**Procedure for compounding**

3. (1) Upon receipt of any information or complaint that an offence which may be compounded, the Chief Executive may, with the written consent of the Public Prosecutor referred to in subregulation 2(2), issue an offer to compound the offence in Form 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence shall be valid for a period of thirty days starting from the date the offer is received by the person to whom the offer is made or such extended period as the Chief Executive may grant in writing and if full payment of the sum offered is made within the expiry of thirty days or such extended period granted, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

**Acceptance of compound**

4. A person who accepts an offer to compound an offence which may be compounded shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule and return the Form 3 to the Chief Executive.

**Payment of compound**

5. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, he shall pay the compound through credit card, debit card, charge card or any other forms of electronic fund transfer.

(2) An official receipt shall be issued for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound an offence is made.

(3) An official receipt issued under subregulation (2) shall include any electronic receipt if the payment is made through an electronic fund transfer.

**Prosecution may be instituted if no payment made**

6. If no payment of the compound offered is made within the period specified in subregulation 3(2), prosecution may be instituted without further notice.

FIRST SCHEDULE

[Subregulation 2(1)]

**COMPOUNDABLE OFFENCES**

The following offences which committed under the provisions of the Cyber Security Act 2024 [*Act 854*] are prescribed to be offences which may be compounded:

- (i) subsection 20(6);
- (ii) subsection 20(7);
- (iii) subsection 22(7);
- (iv) subsection 22(8);
- (v) subsection 24(4); and
- (vi) subsection 32(3).

SECOND SCHEDULE

FORM 1

[Subregulation 2(2)]

CYBER SECURITY ACT 2024

CYBER SECURITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

**CONSENT TO COMPOUND OFFENCES**

IN exercise of the powers conferred by subsection 60(2) of the Cyber Security Act 2024 [Act 854] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [Act 593], I ..... (name) give consent to compound ..... (name of the person to whom the compound offer is made) for the offence committed under ..... which is said to have been committed on ..... (date) at ..... (place).

Date:

.....  
*Public Prosecutor/  
 Deputy Public Prosecutor*

FORM 2

[Subregulation 3(1)]

CYBER SECURITY ACT 2024

CYBER SECURITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

**OFFER TO COMPOUND OFFENCES**

Reference No. : .....

Date : .....

National Cyber Security Agency

To:

.....  
.....

\*Sir/Madam,

An investigation has been conducted against you .....  
(state name of \*individual/company/business/other body and the registration number,  
if any) and you are found to have committed an offence under the Cyber Security Act 2024  
[Act 854] with the following particulars:

- (a) relevant provisions of the Act:  
.....
- (b) date : .....
- (c) time : .....
- (d) place or premises : .....
- (e) \*\*particulars of offence : .....

2. Pursuant to subsection 60(2) of the Cyber Security Act 2024, with the written consent of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence stated above for the sum of RM ..... (.....  
(*in words*) ringgit only).

3. If the offer to compound is accepted, payment shall be made through credit card, debit card, charge card or any other forms of electronic fund transfer.

4. An official receipt shall be issued on receipt of the payment of the compound.

5. This offer to compound shall be valid until for the period of thirty days starting from the date the offer is received by you.

6. If no payment received within the period referred to in paragraph 5, the prosecution for the offence may be instituted against you .....  
(*state the name of\* individual/company/business/other body and the registration number, if any*) without further notice.

Thank you.

.....  
*Chief Executive*  
*National Cyber Security Agency*

---

\* Delete whichever is inapplicable  
\*\* State details and use appendix if necessary

FORM 3

[Regulation 4]

CYBER SECURITY ACT 2024

CYBER SECURITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

**ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCES**

To:

.....  
.....  
.....

\*Sir/Madam,

I refer to the Offer to Compound Offences bearing the reference number ..... dated .....

2. I admit that I have committed this offence and I accept the offer to compound and enclosed is the proof of payment through \*credit card/debit card/charge card/ an electronic fund transfer for the sum of RM ..... (..... *(in words)* ringgit only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offences.

Signature : .....

\*\*Name *(in capital letter)* : .....

\*Identification Card No./Passport No. : .....

\*\*\*For and on behalf *(if applicable)* : .....

*(name of \*company/business/other body)*



\*\*\*Registration No./Licence No./  
 Permit No. of \*company/business/  
 other body (if applicable) : .....  
 Official stamp of \*company/ business/  
 other body (if applicable) : .....

Address:  
 .....  
 .....

Date: .....

---

\* Delete whichever is inapplicable  
 \*\* Name of the person to whom the offer to compound is made or name of the director on behalf of  
 company/business/other body  
 \*\*\* In the case where the offer to compound is made to company/business/other body

Made 16 August 2024  
 [MKN(S).10.600-9/2/4 Jld.8 (19); PN(PU2)768]

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
*Prime Minister*

Approved 15 August 2024  
 [MKN(S).10.600-9/2/4 Jld.8 (19); PN(PU2)768]

DATUK AHMAD TERRIRUDIN BIN MOHD SALLEH  
*Public Prosecutor of Malaysia*